

**Al-Sultan Abdullah zahirkan sukacita dengan keamanan, kesejahteraan serta pencapaian Negara  
Astro Awani  
11 Mac 2019  
Sahlizah Mohamed,**

**KUALA LUMPUR:** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan rasa bersyukur dengan keamanan, kesejahteraan serta pencapaian negara keseluruhannya.

Titah baginda, hasil daripada tadbir urus negara yang baik, kedudukan ekonomi dan kewangan Malaysia kekal kukuh dan berdaya saing meskipun berhadapan dengan cabaran ketidaktentuan ekonomi.

Ia termasuk kesan ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China serta kejatuhan harga komoditi utama.

Titah Al-Sultan Abdullah, perkembangan geopolitik antarabangsa juga semakin kompleks.

“Beta menyambut baik usaha kerajaan memperkenalkan kerangka dasar luar Malaysia baharu dan inisiatif-inisiatif untuk terus memelihara dan mempertingkatkan hubungan baik dengan negara-negara di seluruh dunia tanpa kompromi terhadap isu-isu kedaulatan negara.

“Pada tahun lalu, ekonomi negara telah berkembang sebanyak 4.7 peratus dengan dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta.

“Manakala jumlah perdagangan pula mencatatkan nilai sebanyak RM1.9 trilion dan hutang luar negara juga kekal terurus,” titah baginda.

Al-Sultan Abdullah bertitah demikian ketika berkenan menyampaikan titah diraja selepas merasmikan istiadat pembukaan persidangan Dewan Rakyat Penggal Kedua, Parlimen Ke-14 pada Isnin.

“Dalam hal ini, beta menyambut baik kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dan Belanjawan 2019 yang telah mengambil kira aspirasi rakyat dan cabaran semasa supaya manfaat pertumbuhan ekonomi dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat.

“Beta menyeru semua pihak, khususnya sektor swasta agar berganding bahu dengan

kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara dan seterusnya membawa malaysia menjadi sebuah negara yang lebih disegani di persada antarabangsa,” titah baginda.

Al-Sultan Abdullah bertitah demikian ketika berkenan menyampaikan titah diraja selepas merasmikan istiadat pembukaan persidangan Dewan Rakyat Penggal Kedua, Parlimen Ke-14 pada Isnin.

Ini merupakan ucapan sulung baginda sejak dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada 31 Jan tahun ini.

**© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/al-sultan-abdullah-zahirkan-sukacita-dengan-keamanan-kesejahteraan-serta-pencapaian-negara-200783>